



BERNAMA

**TENGGELAM:** Tinjauan udara ehsan daripada Bridged Kelapan Infantri Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menunjukkan keadaan banjir di Rantau Panjang semakin teruk sehingga banyak kawasan terputus akibat ditenggelami air.

# Bah makin buruk di Kelantan, Kedah

## Jumlah mangsa dipindah meningkat 38,127 orang

13.4 19/12/07 MSC4

Oleh Ismail Mat, Johari Ibrahim, Srihanasham Noordin, Betty Subaryati, Siti Fatimah Mohamed Anwar, Asrol Awang dan Haspaizi Mohd Zain

**K**UALA LUMPUR: Banjir di Kelantan dan Kedah semakin buruk semalam dengan jumlah mangsa yang dipindahkan meningkat masing-masing kepada 10,822 dan 1,129, menjadikan jumlah keseluruhan yang dipindahkan termasuk di Johor kepada 38,127.

Sementara itu, walaupun kebanyakan daerah di Pahang termasuk Pekan, daerah paling terjejas dilanda banjir menunjukkan penurunan mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan, Temerloh mencatatkan peningkatan.

Di utara semenanjung, daerah Padang Terap di Kedah paling teruk terjejas membabitkan 1,344 mangsa daripada 301 keluarga dipindahkan ke 29 pusat pemindahan berbanding 337 mangsa daripada 74 keluarga kelmarin.

Di KOTA BHARU, mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 10,822 membabitkan 2,544 keluarga, yang ki-

juga melebihi paras bahaya.

Di Baling pula, 190 penduduk daripada 37 keluarga dari Kampung Tanjung Merbau dan Kampung Cenerai dibenarkan pulang tengah hari semalam apabila banjir surut.

Di KUANTAN mangsa banjir di pusat pemindahan seluruh Pahang berkurangan kepada 22,754 semalam, berbanding 23,102 kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, jumlah keluarga yang berada di sebanyak 148 pusat pemindahan berkurangan iaitu 4,762 keluarga semalam, berbanding 4,902 keluarga kelmarin.

Namun, daerah Pekan yang teruk dilanda banjir merekodkan 9,532 mangsa semalam, tambahan 153 orang berbanding 9,379 orang kelmarin.

Di Temerloh, mangsa banjir yang berada di pusat pemindahan kini seramai 4,576, Rompin (1,959), Maran (3,223), Bera (2,257) dan Kuantan (1,207).

“Sehingga semalam, 148 pusat pemindahan di Pahang masih beroperasi berbanding 184 kelmarin dan 196 kampung dilanda banjir setakat ini,” katanya.

Sementara itu, jurucakap polis berkata, laluan di Kilometer 24-30 Jalan Pekan-Kuantan, dekat Kampung Ubai ditutup kepada semua kenderaan kerana masih ditenggelami air dan Kilometer 3 hingga 6 Jalan Temerloh-Bera, dekat Triang ditutup kepada semua kenderaan.

Di JOHOR BAHRU, setakat jam 5 petang semalam, mangsa banjir semakin berkurangan dengan hanya 2,994 mangsa daripada 814 keluarga masih berada di 39 pusat pemindahan, manakala tiga pusat pemindahan di Muar ditutup jam 12 tengah hari semalam.

Bagaimanapun, Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata berikutan hujan lebat malam kelmarin, pusat pemindahan di Johor Bahru dan Kota Tinggi dibuka semula apabila air kembali naik di beberapa kawasan.

Di Segamat, 1,179 mangsa daripada 316 keluarga ditempatkan di sebanyak 10 pusat pemindahan di Muar

membabitkan 2,944 keluarga, yang kini terpaksa berlindung di 41 pusat pemindahan seluruh negeri.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Lim Chow Hock, berkata Jajahan Pasir Mas dan Tumpat kawasan paling teruk terjejas menyebabkan mangsa paling ramai.

Di Pasir Mas, meliputi kawasan Rantau Panjang bersebelahan Sungai Golok, 8,382 penduduk daripada 1,958 keluarga dipindahkan ke sebanyak 26 pusat pemindahan.

Jajahan Tumpat menyaksikan 2,054 penduduk daripada 511 keluarga sekitar Pengkalan Kubor yang mempunyai aliran Sungai Golok, dipindahkan sehingga petang semalam.

Daerah lain yang terjejas ialah Kota Bharu (122 daripada 25 keluarga), Machang (49 daripada 10 keluarga) dan Tanah Merah (215 daripada 40 keluarga). Semua pusat pemindahan di kawasan Jeli dan Kuala Krai serta Gua Musang ditutup sementara apabila banjir surut.

Lim berkata, ketika ini Sungai Kelantan di Kusial dan Kota Bharu serta Sungai Golok di Rantau Panjang masih melepasi paras bahaya 0.1 hingga dua meter, manakala Sungai Galas dan Sungai Lebir surut berikutan kadar hujan hanya antara satu hingga dua milimeter (mm).

Sementara itu, Pegawai Bertugas Bilik Gerakan Polis Kelantan, Asisten Superintendan Basar Salam, berkata empat jalan utama antara Kota Bharu dengan Gua Musang dan Rantau Panjang serta Tumpat ditutup kepada semua kenderaan.

Ita membabitkan Kilometer 55 dan 65 Jalan Gua Musang-Kuala Krai kerana jalan mendap dan Jalan Kota Bharu-Rantau Panjang mulai Kilometer 13 hingga Kompleks Imigresen ditutup kerana ditenggelami banjir hampir dua meter.

Simpang empat Pengkalan Kubor turut ditutup kepada semua kenderaan. Selain itu, 65 jalan kampung di seluruh negeri ditutup kerana ditenggelami banjir.

Di **ALOR STAR**, banjir di negeri itu bertambah buruk apabila 1,129 lagi penduduk terpaksa dipindahkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kepada 1,557.

Selain di Padang Terap, 179 mangsa daripada 43 keluarga dipindahkan ke empat pusat pemindahan di Kubang Pasu, manakala 34 daripada tujuh keluarga dipindahkan di Sik.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Negeri, berkata paras air Sungai Kuala Nerang dan Sungai Padang Sanai masih pada tahap bahaya masing-masing 18.6 meter dan 34.2 meter.

Sementara itu, paras air di semua lima sungai utama di Kubang Pasu

“**Sungai Kelantan di Kusial dan Kota Bharu serta Sungai Golok di Rantau Panjang masih melepasi paras bahaya 0.1 hingga dua meter**”

**Lim Chow Hock**  
Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan



**ROSAK:** Salimi Majid, 39, menunjukkan padi yang sudah boleh dituai ditenggelami air di Kampung Bendang Baru, Kubur Panjang, Alor Star, semalam.



**UNTUK KESELESAAN:** Tiga anggota Rela sibuk menyusun bungkusan tikar di pusat operasi banjir di Pangkalan Tentera Udara di Kuantan, semalam.

SHAHRIZAL MD NOOR | BERTI HARIAN